

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	<p><b>PRULink Global Leaders Fund</b> (“Dana ini”) bertujuan untuk memaksimumkan jumlah pulangan jangka panjang (gabungan pendapatan dan pertumbuhan modal) dengan melabur dalam Dana(-Dana)-Sub.</p> <p>Dana ini melabur dalam pelbagai ekuiti global yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang pengurus dana menganggap, atau mempunyai potensi untuk menjadi, terkemuka dalam bidang mereka dari segi meningkatkan nilai pemegang polisi.</p> <p>Dana ini juga boleh melabur dalam mana-mana dana ekuiti yang lain dengan objektif yang serupa yang boleh didapati pada masa akan datang.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana ini bertujuan untuk melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-Dana)- Sub] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-Dana)-Sub ini akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan atau Dana-Sub mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana-Sub.</p>
Peruntukan Aset	<p>Dana ini akan melabur sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana(-Dana)-Sub yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Baki Nilai Aset Bersih (NAV) Dana akan dilaburkan dalam aset cair.</p>
Piawaian Prestasi	<p>Piawaian prestasi aras akan berubah mengikut Dana-Sub. Pada permulaan, piawaian prestasi adalah: 100% MSCI World Index (jumlah pulangan bersih) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a></i></p>
Pengurus Dana	<p>Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)</p>
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	<p>1.50% setiap tahun</p>
Caj-caj lain, jika ada	<p>Tiada</p>

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

### PRULink Global Leaders Fund Vs. MSCI World Index



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Global Leaders Fund	Piawai Prestasi 100% MSCI World Index (jumlah pulangan bersih)
2015	-0.88% *	9.65% *
2016	11.69%	10.09%
2017	8.62%	8.31%
2018	-4.95%	-6.77%
2019	22.69%	26.49%
2020	15.55%	13.81%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

## Maklumat tambahan untuk PRULink Global Leaders Fund

Sejak pelancaran Dana hingga 21 Mei 2018, PRULink Global Leaders Fund telah melabur dalam Dana-Sub Eastspring Investments Global Leaders MY Fund yang melabur ke dalam M&G Global Leaders Fund.

Efektif dari 22 Mei 2018, pelaburan Dana akan diperuntukkan semula ke dalam Dana-Sub yang berdenominasi dalam USD iaitu JPMorgan Investment Funds – Global Select Equity Fund A (acc) – USD (“Dana-Sub”) yang diuruskan oleh JPMorgan Asset Management (Europe) S.à.r.l. di mana sekurang-kurangnya 67% daripada asset-asset Dana-Sub (tidak termasuk tunai dan setara tunai) akan dilaburkan ke dalam sekuriti-sekuriti ekuiti. Penerbit sekuriti ini boleh berasal dari mana- mana negara, termasuk pasaran baru muncul.

Dana-Sub juga boleh melabur dalam Undertakings For The Collective Investment Of Securities Transferable (“UCITS”) dan Undertakings For Collective Investments (“UCIs”) yang lain. Dana-Sub boleh menggunakan instrumen derivatif kewangan untuk bertujuan lindung nilai dan pengurusan portfolio yang cekap.

Dana-Sub boleh melabur dalam aset yang berdenominasi dalam mana-mana mata wang dan pendedahan mata wang dalam Dana-Sub boleh dilindung nilai atau boleh diuruskan dengan merujuk kepada piawaian prestasi.

Prestasi dana JPMorgan Investment Funds – Global Select Equity Fund A (acc) – USD hingga dan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011
Prestasi Bersih	18.10%	27.55%	-11.08%	24.97%	7.18%	-3.07%	3.30%	26.69%	17.09%	-12.66%

Nota: Prestasi atas adalah untuk Dana-Sub (Kelas A) yang denominasi dalam USD.

Sumber: J.P. Morgan Asset Management, 31 Disember 2020

Caj pengurusan dana boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana-Sub. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50% setahun, yang merupakan caj pengurusan dana gabungan pada peringkat Dana dan Dana-Sub.

Dana(-Dana)-Sub dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa (“ETF”) atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana-Sub, di mana yuran tersebut telah dipertimbangkan sebagai sebahagian strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dijejaskan oleh, antara yang lain-lain, kemantapan ekonomi dan politik. Jika pasaran yang dilaburkan oleh Dana ini merosot atau mengalami ketidakstabilan akibat situasi ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan Dana ini.

#### Risiko Kecairan

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana-Sub merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

## **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

## **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjejaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

## **Risiko Kredit / Kemungkiran**

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrument tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkar dalam pembayaran utama dan faedah.

## **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidapatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidapatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidapatuhan dan maka menjejaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

## **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

## **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana ini bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya terdapat kekurangan apa-apa kualiti-kualiti di atas oleh syarikat pengurusan, ia boleh memberi kesan negatif kepada prestasi dana unit amanah.

## **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana-Sub. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

## **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindungi nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana-Sub, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

## **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana-Sub**

### **Risiko Sekuriti**

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana-Sub boleh memberi kesan negatif kepada nilai asset bersih Dana-Sub. Pengurus Pelaburan Dana-Sub berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaian portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

### **Risiko Pengurusan Dana Dana-Sub**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana-Sub, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana-Sub dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana-Sub.

Dana-Sub mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana-Sub dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

## **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana-Sub**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana-Sub. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana-Sub akan terjejas dengan itu, Dana-Sub akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana-Sub. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana-Sub (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana-Sub itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana-Sub mahupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir

## **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana-Sub yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana-Sub merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana-Sub merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana-Sub untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negative kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

## **Risiko Negara-Negara atau Sekuriti-Sekuriti Asing**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana-Sub dan maka juga boleh menjejaskan nilai aset bersih Dana-Sub.

Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti.

Pengurus Pelaburan Dana-Sub akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana-Sub diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Pelaburan Dana-Sub juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini

## **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana-Sub. Prestasi Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana-Sub.

## **Risiko Caj-Caj Kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana-Sub adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

## **Sekatan pada Pelaburan Asing**

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana-Sub untuk membuat pelaburan yang diinginkan pada masa tersebut.

## **Risiko Derivatif**

Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keupayaan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana-Sub ini. Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpulan tetapi mungkin menggunakannya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindungi dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika pengurus dana tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, dana ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindungi nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindungi nilai dana daripada risiko mata wang dalam dana.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## Pengurusan Risiko

### Risiko Ramalan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

### Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

# PRULink Global Leaders Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<p>Dana ini sesuai untuk pemegang-pemegang polisi yang:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari nilai modal yang meningkat;</li><li>• Hendak mengambil bahagian dalam pasaran ekuiti global yang mempunyai potensi yang terkemuka dalam bidang mereka;</li><li>• Mempunyai daya toleransi risiko tinggi; dan</li><li>• Menerima pakai tempoh pelaburan jangka masa panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink Global</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink Global</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyelenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian hendaklah merupakan tarikh yang dipilih oleh Prudential dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Syarikat akan menilai dana-dana <b>PRULink Global</b> tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRULink Global</b> yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRULink Global</b> akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRULink Global</b> yang lebih pada suatu Hari Penilaian</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRULink Global</b>.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>